

03 MAY 1998

Mahathir-sukarelawan

SUKARELAWAN CERMIN SEMANGAT PATRIOTISME

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata budaya sukarelawan perlu dipupuk di kalangan rakyat agar negara sentiasa dipandang mulia dan dihormati dunia.

"Sesuatu bangsa itu tidak maju dan tidak dihormati, tidak mempunyai maruah yang tinggi kalau budaya mereka begitu rendah sehingga mereka tidak sanggup membuat kerja sukarela," katanya pada perjumpaan dengan Sukarelawan Sukan Komanwel 1998 di Pusat Pameran Mines di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau bersyukur kerana begitu ramai rakyat Malaysia yang menawar diri sebagai sukarelawan bagi menjayakan sukan itu yang akan diadakan dari 11 hingga 21 September ini.

Menurutnya, kejayaan sukan yang besar seperti itu turut bergantung kepada pengendaliannya selain daripada keupayaan negara menyediakan pelbagai kemudahan sukan serta prestasi atlit.

Dengan melaungkan slogan "Malaysia Boleh", Dr Mahathir berkata apa jua tugas yang akan dilakukan oleh sukarelawan itu merupakan kerja yang mulia.

"Lagipun peranan sukarelawan membuktikan dedikasi kita, kejayaan negara kita...sebab itu saya yakin mereka yang menawar diri sebagai sukarelawan mencerminkan semangat patriotisme rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata kejayaan Malaysia menjadi tuan rumah sukan itu merupakan satu kebanggaan, apatah lagi kerana kejohanan itu biasanya diadakan di kalangan negara-negara anggota Komanwel yang maju.

Oleh itu, katanya penting bagi sukarelawan berkenaan sentiasa menjaga imej negara bagi menentukan pelawat-pelawat asing akan pulang ke negara mereka dengan gambaran bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang bertamadun tinggi.

Dr Mahathir berharap sebagai sukarelawan, mereka tidak akan membantah sesuatu tugas yang diberikan dengan alasan kononnya ia tidak sesuai dengan diri mereka.

"Kita harus tentukan walaupun 100,000 penonton datang melihat acara di stadium kita, keadaan stadium mesti selalu bersih kerana kebersihan akan mencerminkan budaya bangsa kita," katanya.

Perdana Menteri juga menekankan perlunya tandas sentiasa dibersihkan bukan sahaja di kompleks sukan tetapi juga di tempat-tempat awam yang lain.

Beliau juga menasihatkan mereka agar sentiasa berbudi bahasa sekalipun berhadapan dengan pelawat yang bersikap kasar.

Sebanyak 5,000 daripada 20,000 sukarelawan hadir pada majlis itu yang turut disertai oleh Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dr Mahathir turut meminta atlit negara supaya menumpukan masa dan tenaga mereka kepada latihan untuk mencapai kejayaan pada sukan itu.

"Justeru itu saya merayu kepada atlit supaya berkorban dengan mengetepikan perkara yang tidak akan menyumbang kepada kejayaan mereka," katanya.

Katanya, sebagai tuan rumah, Malaysia tidak mahu ketinggalan dalam pungutan pingat.

"Kita yakin bahawa atlit-atlit kita sedia bersaing kerana kemenangan mereka adalah kemenangan bagi negara," katanya.

Dr Mahathir berharap atlit negara "tidak kecewa" walaupun badan mereka tidak sebesar atau tidak setinggi peserta negara-negara lain.

"Ada banyak acara seperti angkat berat, badminton, tinju dan renang yang Malaysia berpeluang untuk merebut pingat," katanya.

-- BERNAMA

AZZ MAI